

Penggunaan Bahasa Slang dalam Akaun Twitter “Brgsjks”

The Use of Slang Language in “Brgsjks” Twitter

Noor Fazerra Paijin

Nuratikah Ja'afar

¹Nur Farahkhanna Mohd Rusli

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

Correspondence e-mel: ¹farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan penggunaan bahasa slang dalam kalangan pengikut akaun Twitter “brgsjks” menghuraikan kesan penggunaan bahasa tersebut. Kajian ini berbentuk analisis kandungan dengan menggunakan akaun Twitter “brgsjks” bagi tujuan pengumpulan data kajian. Data kajian dianalisis secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan antara bahasa slang yang digunakan di akaun Twitter “brgsjks” ialah meh, pi, sis, bro, cibai dan sebagainya. Bahasa slang ini mempunyai makna yang tersendiri dan hanya difahami oleh kelompok pengguna dalam media sosial tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan penggunaan bahasa slang memberikan kesan seperti pewujudan kosa kata baru, mengancam martabat bahasa Melayu dan menimbulkan kekeliruan berbahasa khususnya dalam kalangan generasi muda. Dari segi implikasi, kajian ini dapat menengahkan kesedaran kepada pengguna tentang penggunaan bahasa slang yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan penutur, selain memberikan pendedahan tentang kepentingan memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu.

Kata kunci: Bahasa slang, pengguna, Twitter, media sosial, bahasa Melayu

ABSTRACT

The aim of this study is to explain the use of slang among the followers of the Twitter account "brgsjks" to describe the effects of the use of the language. This study has used content analysis and Twitter account by "brgsjks" is used to collect the data in the study. The study was analyzed through qualitative descriptive. The result shows that among the slang languages used in Twitter account “brgsjks” are meh, pi, sis, bro, cibai and so on. These slang languages had their own meaning and only understood by a group of users in the social media. The study also shows that the use of slang has effects such as the creation of new vocabulary, threatens the dignity of the Malay language and causes language confusion especially among the younger generation. In terms of implications, this study highlights the awareness to users about the use of slang language that is gaining attention among speakers, in addition to provide exposure to the importance of preserving and dignifying the Malay language.

Keywords: Slang, user, Twitter, social media, Malay language

1. Pengenalan

Penggunaan bahasa dalam kehidupan amat penting bertujuan menyampaikan maklumat, perasaan dan idea kepada orang lain. Pada abad ke-21, terdapat banyak makna baharu dan ejaan baharu dalam bahasa Melayu terutamanya telah diperkenalkan sekali gus menambahkan variasi kosa kata dalam bahasa Melayu itu sendiri. Umumnya, terdapat dua keadaan penggunaan bahasa, iaitu bahasa berbentuk formal dan bahasa tidak formal. Bahasa formal digunakan dalam situasi rasmi seperti mesyuarat, seminar dan majlis rasmi manakala bahasa tidak formal digunakan dalam pertuturan seharian antara keluarga atau kawan-kawan (Noor Husna Abd Razak dan Hasnah Mohamad, 2016). Salah satu bahasa tidak formal yang biasa digunakan oleh masyarakat terutama remaja ialah bahasa slanga. Menurut Muhammad Zaid Daud (2018), slanga merupakan perkataan yang membentuk suatu makna baharu yang berlainan daripada maksud asal, iaitu penutur bahasa slanga bebas menggunakan bentuk bahasa ini tanpa mempedulikan aspek kegramatisan ayat. Bagi Zuraidah Mohd Sulaiman (2016), penggunaan bahasa slanga dianggap sebagai fesyen berbahasa yang kreatif.


Anne Jeffrey Kihob dan Saidatul Nornis Mahali (2020) menjelaskan bahawa reputasi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia berhadapan dengan cabaran yang rencam ekoran peredaran zaman. Dari aspek masyarakat multilingual misalnya, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk daripada pelbagai kaum dan bangsa. Keadaan ini bukan sahaja mewujudkan kepelbagaian budaya, malah turut mewujudkan kepelbagaian bahasa dan keupayaan untuk bertutur lebih daripada satu bahasa. Perkara ini cenderung melahirkan bentuk bahasa yang baharu dan bervariasi dalam komunikasi apabila penutur menggunakan pelbagai ragam bahasa dalam sesuatu jenis komunikasi, contohnya penggunaan bahasa ibunda dengan bahasa kedua seperti bahasa Inggeris, bahasa slanga, dialek dan sebagainya.

Dari aspek ledakan teknologi maklumat, perkembangan teknologi telah mempengaruhi cara penutur berkomunikasi apabila anggota masyarakat cenderung menggunakan media sosial media seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp* dan *Telegram* sebagai medium untuk berkongsi pendapat, maklumat, meluahkan perasaan dan sebagainya. Situasi ini secara tidak langsung mempengaruhi keupayaan dan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur kerana komunikasi yang digunakan dalam medium tersebut kebanyakannya menggunakan ragam bahasa tidak formal seperti penggunaan slanga, dialek, percampuran kod, bahasa basahan, bahasa singkatan dan lain-lain lagi. Menurut Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2016), bahasa slanga digunakan sebagai suatu bentuk hiburan, bertujuan mewujudkan perbualan yang lebih mesra, bertujuan meringkaskan sesuatu perkataan tanpa mengubah makna asal perkataan, supaya pertuturan lebih difahami, dapat mengeratkan hubungan sosial, dan digunakan sebagai kod rahsia dalam komuniti dan untuk konteks tertentu.

Bagi Zuraidah Mohd Sulaiman (2016), remaja merupakan golongan yang kerap menggunakan bahasa slanga ketika berkomunikasi. Pernyataan ini disokong oleh Noor Husna Abd Razak dan Hasnah Mohamad (2016) yang menyatakan bahawa generasi kini mudah terpengaruh dengan penggunaan istilah baharu terutama istilah-istilah yang menarik dan berbeza dari bentuk atau makna asal istilah tersebut contohnya perkataan *mantul*, iaitu gabungan daripada dua perkataan 'mantap' dan 'betul'. Pada mereka, istilah ini menarik dan unik. Oleh sebab itu penggunaannya mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat terutama golongan remaja. Hakikatnya, penggunaan bahasa slanga semakin berkembang termasuklah dalam konteks media sosial. Media sosial seperti *Twitter* misalnya menjadi pilihan kerana pengguna bebas berinteraksi

dengan sesiapa sahaja walaupun dengan individu yang tidak dikenali. Bagi melihat situasi penggunaan bahasa slanga dalam media sosial, maka kajian ini memilih akaun “brgsjks” yang terdapat dalam salah satu aplikasi *Twitter*. Akaun ini dipilih kerana pemerhatian awal menunjukkan terdapat banyak penggunaan bahasa slanga yang dalam medium tersebut. Untuk keterangan lanjut, berikut disertakan gambar tangkap layar akaun *Twitter* “brgsjks”:

RAJAH 1. Tangkap layar akaun *Twitter* “brgsjks”



1.1 Pernyataan Masalah

Penggunaan media sosial yang semakin meluas seiring dengan peredaran zaman masa ini memang tidak dapat dinafikan lagi. Sebanyak 69 peratus rakyat Malaysia menggunakan internet dengan kerap untuk membaca berita, menonton video dan berhubung dengan rakan melalui platform media sosial. Malaysia juga merupakan negara yang mempunyai masyarakat yang gemar menggunakan penggunaan peranti mudah alih apabila laporan daripada *Digital Business Lab* (2021) menunjukkan 88 peratus rakyat Malaysia memiliki telefon pintar masing-masing. Dari segi bilangan pengguna *Twitter* pula, laporan daripada *Statista Research Department* (2022) menunjukkan jumlah pengguna *Twitter* aktif diunjurkan mencecah 2.4 juta pada tahun 2019, iaitu meningkat kepada 1.5 juta jika dibandingkan dengan jumlah pengguna pada tahun 2014. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penggunaan bahasa dalam *Twitter* bersifat santai dan tidak mementingkan ketertiban berbahasa. Hal ini telah membawa kepada pewujudan bahasa slanga yang merupakan salah satu daripada ragam bahasa yang menyalahi sistem nahu bahasa Melayu.

Menurut Hidayah Shafiee et al., (2019), bahasa bercampur yang digunakan dalam media sosial yang semakin meningkat telah memberikan kesan terhadap Bahasa Kebangsaan. Selaras dengan perubahan zaman, penggunaan media masa ini turut berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada orang lain. Tidak dapat dinafikan lagi penggunaan

media sosial ini menjadi penghubung kepada masyarakat untuk saling berkomunikasi dengan mudah walaupun berada di luar negara kerana segala data serta maklumat dapat diakses dengan mudah. Perkara ini sudah tentunya dapat menggalakkan wujudnya pelbagai bahasa serta istilah baru yang digunakan untuk berinteraksi di media sosial. Meskipun media sosial dapat menggalakkan individu untuk mempelajari sesuatu melalui percampuran bahasa tersebut, namun hal ini akan memberi kesan terhadap pertuturan masyarakat sekiranya penggunaan bahasa campur ini tidak dikawal dengan baik. Perkara ini sudah pastinya akan mencemarkan imej Bahasa Kebangsaan kerana masyarakat menganggap istilah-istilah baru yang dicipta sendiri adalah perkara normal dalam berbahasa.

Harishon Radzi dan Tengku Fariqul Haq (2016) menjelaskan penggunaan bahasa slanga yang digunakan oleh masyarakat telah berkembang sejak abad ke-19 lagi yang berfungsi untuk merahsiakan perbualan dalam kalangan komuniti yang tertentu. Perkara ini merupakan sesuatu yang normal khususnya kepada remaja yang sering menggunakan bahasa slanga ketika berkomunikasi. Penyebaran bahasa slanga yang semakin pesat telah mewujudkan percampuran bahasa seperti campuran bahasa Indonesia dan bahasa tempatan. Campuran bahasa ini telah mewujudkan pelbagai slanga yang mempunyai fungsi seperti pujian, teguran, ancaman, nasihat, sindiran, pernyataan, panggilan dan sapaan. Pendedahan slanga tersebut dapat membantu masyarakat untuk meningkatkan kosa kata. Situasi ini mempengaruhi masyarakat untuk menggunakan dalam komunikasi seharian. Namun begitu, pendedahan yang berleluasa akan menyebabkan masyarakat tidak tahu untuk membezakan bahasa Melayu standard dan bahasa slanga.

Bahasa slanga terdiri daripada kata-kata yang tidak bersifat baku atau menyalahi nahu bahasa Melayu standard. Bahasa slanga kebiasaannya digunakan dalam situasi tidak formal. Kini, penggunaan bahasa slanga dianggap sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat terutamanya golongan muda. Kebiasaan penggunaan bahasa slanga ini dikhuatiri akan memberi impak yang tidak baik kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis perkataan-perkataan slanga serta makna yang digunakan oleh pengguna dan pengikut akaun *Twitter* “brgsjks” bagi mengetengahkan budaya berbahasa dalam media sosial khususnya akaun *Twitter*.

2. Tinjauan Literatur

Minah Sintian (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Penggunaan Slanga dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris* yang bertujuan untuk mengenal pasti leksikal slanga yang dituturkan oleh pelajar Kadazan Dusun, mengenal pasti fungsi leksikal yang diujarkan pelajar dan menjelaskan faktor timbulnya leksikal slanga tersebut dalam kalangan pelajar. Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar Kadazan Dusun dipengaruhi oleh budaya dan etnik. Contoh bahasa slanga yang digunakan dalam bahasa ini ialah “sipag”, “tai nu lah”, “sansala” dan sebagainya. Menurut Minah Sintian (2017), penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar Kadazan Dusun bukan bertujuan untuk diungkapkan sesuka hati, sebaliknya bahasa slanga digunakan sesama individu yang rapat dengan mereka sahaja yang digunakan sebagai gurauan, ejekan, slogan, makian dan sebagainya. Kajian ini jelas menunjukkan bahasa slanga digunakan dalam kelompok sosial tertentu misalnya remaja dan belia bertujuan membentuk hubungan yang mesra dan rapat dalam kalangan penggunanya dalam konteks bahasa Kadazan Dusun. Oleh itu, kajian ini akan menfokuskan pula penggunaan bahasa slanga dalam konteks bahasa Melayu pula.

Selain itu, kajian Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor, Ainal Akmar Ahmad dan Maizatul Azura Yahya (2016) yang bertajuk *Bahasa Slanga dalam Komik Kanak-Kanak* telah mengkaji penggunaan kata slang dalam komik kanak-kanak. Komik yang dipilih ialah siri komik yang terkenal, iaitu Siri Komik Ana Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahasa slang juga wujud dalam penulisan komik yang sasarannya difokuskan kepada golongan kanak-kanak. Antara bahasa slang yang digunakan dalam komik ini ialah kata slang yang merujuk kata ganti nama diri seperti *diorang*, *kitorang*, *bro*, *gua* dan *korang*, kata slang untuk memudahkan ekspresi seperti *pastu* (selepas itu), *takpe* (tidak mengapa), *takleh* (tidak boleh), dan kata slang daripada bahasa asing seperti *baby-baby kiut*, *jeles*, *gerenti*, *terer* dan sebagainya. Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor, Ainal Akmar Ahmad dan Maizatul Azura Yahya (2016) berpendapat penggunaan bahasa slang perlu dipantau agar tidak merebak dalam bentuk tulisan bahkan untuk tujuan urusan rasmi. Hal ini penting bagi mengelak kesantunan, kesopanan dan kemurnian dalam bahasa Melayu terjejas disebabkan penggunaan bahasa tersebut. Kajian ini telah dapat mengenal pasti penggunaan bahasa slang juga wujud dalam kalangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, kajian ini akan berfokus pula kepada golongan remaja yang menggunakan bahasa slang dalam konteks media sosial pula.

Kajian Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Nor Syafizza Ahmad Tarmizi (2019) yang bertajuk *Penggunaan dan Penerimaan Bahasa Slanga dalam Novel Indie di Malaysia* pula bertujuan menganalisis penggunaan bahasa slang dalam novel *indie* dan menganalisis penerimaan masyarakat terhadap penggunaan bahasa slang dalam novel *indie* di Malaysia. Novel-novel *indie* yang digunakan untuk dianalisis ialah novel bertajuk *Feminis*, *One Two Jaga*, *Walang*, *Hauri* dan *Lendu*. Antara bahasa slang yang digunakan dalam novel-novel tersebut adalah seperti *maki*, *betina*, *celaka*, *kasi tau*, *ejas* dan sebagainya. Hasil kajian juga mendapati bahawa penerimaan masyarakat terhadap penggunaan bahasa slang dalam novel *indie* ini adalah berbelah-bahagi antara positif dan negatif kerana selain mudah digunakan untuk komunikasi, masyarakat maklum bahawa penggunaan bahasa slang mempunyai kesan yang negatif terhadap perkembangan, penguasaan dan kesantunan bahasa Melayu itu sendiri. Jelas bahawa dalam konteks penulisan novel, bahasa slang turut ditemukan penggunaannya. Kajian ini pula akan melihat penggunaan bahasa slang yang menjurus terhadap media sosial yang digunakan penutur ketika berkomunikasi.

Seterusnya, kajian bertajuk *Fenomena Penggunaan Bahasa Slanga dalam kalangan Remaja Felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu Tinjauan Sociolinguistik* telah dijalankan oleh Norfarahdila Jamali dan Sa'adiah Ma'alip (2018). Kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan bahasa slang dalam kalangan remaja Felda. Hasil kajiannya menunjukkan remaja felda setuju (45.7 peratus) dan sangat setuju (34.3 peratus) bahawa mereka kerap menggunakan bahasa slang dalam media sosial seperti *WhasApp*, *Messenger*, *Instagram* dan *WeChat*. Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan bahasa slang dalam kalangan remaja telah menjadi *trend* masa kini. Tambahan juga, golongan remaja merupakan golongan yang paling dominan dalam menggunakan bahasa slang. Jelas bahawa, di kawasan luar bandar sekali pun masalah penggunaan bahasa slang turut berlaku walaupun pada dasarnya kawasan luar bandar merupakan lokaliti yang kurang mengalami proses asimilasi bahasa jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Oleh sebab kajian ini telah berfokus kepada penggunaan bahasa slang secara lisan, maka kajian ini pula akan berfokus kepada penggunaan bahasa slang dalam konteks penulisan, iaitu dalam media sosial.

Kajian Agus Sulaeman (2019) yang bertajuk *Bahasa Slang Generasi Muda dalam Media Sosial di Era Milenial* menjelaskan penggunaan bahasa slang pada zaman sekarang dilihat

banyak melanggar hukum sesuatu bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa media sosial *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram*, *Twitter* dan *Line* kerap digunakan oleh generasi muda untuk berkomunikasi dan penggunaan bahasanya jelas melanggar tatabahasa dalam bahasa Indonesia. Pengkaji berpendapat pengguna menggunakan bahasa slanga ketika berkomunikasi untuk memupuk keakraban dalam perhubungan. Dalam konteks ini, jelas dilihat bahawa situasi penggunaan bahasa slanga tidak hanya berlaku di Malaysia, bahkan turut berlaku terhadap bahasa Indonesia. Oleh sebab kajian ini telah berfokus kepada penggunaan bahasa slanga dalam bahasa Indonesia, maka kajian ini akan berfokus pula kepada penggunaan bahasa slanga yang digunakan di Malaysia.

Kajian NorFaiszah Arbain dan Sa'adiyah Ma'alip (2017) bertajuk *Fenomena Berbahasa Generasi Y: Satu Kajian dalam Novel Awek Chuck Taylor* merupakan kajian yang menumpukan penggunaan bahasa slanga dalam novel Melayu remaja. Hasil kajian mendapati bahawa penulis *Novel Awek Chuck Taylor* banyak menggunakan istilah slanga daripada kategori kata kerja, iaitu sebanyak 45 peratus seperti kata *usha*, *taram*, *tackle*, *menganjing*, *ngeteh*, *sound*, *cucuk jarum* dan *sailang*. Tambahnya, penulis menggunakan bahasa slanga walaupun dalam konteks penulisan disebabkan oleh pengaruh media massa dan bertujuan untuk meringkaskan perkataan. Bagi NorFaiszah Arbain dan Sa'adiyah Ma'alip (2017), penggunaan bahasa slanga yang tidak terkawal boleh mendatangkan implikasi yang negatif. Kajian ini telah berfokus kepada penggunaan bahasa slanga yang terkandung dalam novel. Oleh itu, kajian ini pula akan menfokuskan penggunaan bahasa slanga dari sudut pandang yang berbeza, iaitu di media sosial.

Seperti yang dijelaskan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Kamarull Fahhmi Norazhar (2022) dalam kajian yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa di Laman Sosial dalam kalangan Pelajar Menengah Atas: Analisis Prinsip Kesopanan*, penggunaan kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja sama ada lelaki atau perempuan memang kurang dititikberatkan. Tambahnya, perkara ini perlu dibendung kerana dikhuatiri generasi kini dan akan dating tidak akan mempunyai rasa rendah diri selain kurang sifat hormat menghormati terhadap orang yang lebih tua, kepada pemimpin, bahkan kepada masyarakat. Berdasarkan pandangan tersebut, maka kajian ini dijalankan bagi menyahut usaha untuk menangani masalah penggunaan bahasa yang tidak tepat hingga boleh merosakkan bahasa ibunda itu sendiri khususnya dalam kalangan generasi muda dengan memaparkan situasi penggunaan bahasa slanga yang digunakan masa kini, dan cabaran yang dihadapi terhadap bahasa Melayu jika masalah ini berterusan.

Seterusnya, kajian Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2022) berpendapat generasi Z menggunakan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, menggunakan kata singkatan selain melakukan kesalahan morfologi dan ejaan ketika memberikan komentar dalam ciapan di media sosial. Tambah pengkaji, hal ini berlaku disebabkan kurang pengetahuan tentang kosa kata bahasa Melayu, sikap mementingkan penggunaan bahasa Inggeris, sikap sambal lewa terhadap penggunaan bahasa Melayu dan pengaruh daripada media sosial. Kajian ini telah dapat memberikan masalah penggunaan bahasa rancu dalam kalangan pengguna di media sosial namun perbincangan tentang bahasa slanga tidak dibincangkan yang sekali gus mewajarkan kajian ini dilakukan.

Jelaslah bahawa telah banyak kajian yang dilakukan untuk menganalisis penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pengguna. Pada dasarnya semua pengkaji berpendapat bahasa slanga mempunyai risiko yang besar terhadap bahasa ibunda kerana ciri-cirinya yang tidak menekankan aspek ketertiban dan kegramatisan ayat. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dilakukan untuk menganalisis penggunaan bahasa slanga yang digunakan dalam media sosial

yang dikhususkan kepada aplikasi *Twitter*. Dari suatu aspek, kajian ini mempunyai keunikan dari segi penggunaan bahasa slanga terkini dan baharu yang digunakan oleh penutur masa kini yang tidak digunakan sebelum ini. Malah, bahasa slanga yang digunakan penutur juga menunjukkan proses evolusi atau perkembangan yang berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti pemendekan kata asal, peminjaman daripada bahasa asing dan pembentukan istilah baharu yang diwujudkan oleh penutur itu sendiri. Berdasarkan evolusi perkataan slanga yang terkini dan baharu ini, maka kajian ini wajar dilakukan untuk mengetengahkan fenomena penggunaan bahasa slanga dalam kalangan penutur masa kini, jenis-jenis kata slanga yang digunakan dan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu akibat daripada penggunaan bahasa slanga ini.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya. Analisis kandungan juga boleh dilakukan ke atas bahan-bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen, media sosial dan papan iklan. Kaedah ini digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa, atau ayat yang ada dalam media berkenaan. Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif. Kajian kualitatif diterapkan dalam kajian ini bertujuan menjelaskan secara deskriptif tentang penggunaan bahasa slanga dalam akaun *Twitter* “*brgsjks*” dan kesannya kepada pengguna bahasa. Kaedah ini tidak melibatkan aspek numerikal atau penomboran dalam penganalisan data.

Seterusnya, kajian ini mengandungi sumber data primer dan data sekunder. Data primer ialah data yang diperoleh secara terus daripada sumber utama, iaitu akaun *Twitter* yang dipilih. Data sekunder pula bersumberkan buku, internet dan jurnal yang berkaitan dengan objektif kajian. Kajian ini mengkhusus kepada satu akaun *Twitter* sahaja, iaitu akaun “*brgsjks*” (huruf *brgsjks* tidak berfungsi sebagai mana-mana akronim). Akaun ini mempunyai 527.7 ribu pengikut. Kebanyakan pengikut akaun ini terdiri daripada golongan remaja dan belia. Setiap siaran (*tweet*) atau ulang siaran (*retweeted*) yang mempunyai penggunaan bahasa slanga dalam akaun ini akan dikenal pasti dan dinyatakan dalam bentuk jadual. Setiap bahasa slanga yang ditemui akan dianalisis dari segi kegramatisan ayat dengan membandingkannya dengan struktur ayat bahasa Melayu yang betul. Analisis dari segi kesan penggunaan bahasa slanga juga akan dilakukan. Akhir sekali, kesimpulan, cadangan dan implikasi yang berkaitan dengan kajian akan dikemukakan untuk merumuskan hasil kajian.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan tentang dua objektif yang dikemukakan sebelum ini. Bahagian pertama akan membincangkan jenis-jenis bahasa slanga yang ditemui dalam akaun *Twitter* “*brgsjks*”, dan diikuti dengan perbincangan tentang kesan penggunaan bahasa slanga dalam kalangan penutur. Huraian akan dijelaskan satu persatu mengikut bab bagi memudahkan pemahaman terhadap isu yang dibincangkan.

4.1 Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun *Twitter* “*brgsjks*”

JADUAL 1. Bahasa slanga yang digunakan dalam akaun *Twitter* “*brgsjks*”

Bahasa Slanga	Maksud Perkataan
<i>korang</i>	Panggilan untuk sekumpulan rakan
<i>meh</i>	Mari
<i>bagitau</i>	Beritahu
<i>sat</i>	Sekejap
<i>buas</i>	Ganas
<i>beb</i>	Panggilan untuk perempuan
<i>pi</i>	Pergi
<i>mendalah</i>	Panggilan untuk sesuatu barangan, perkara
<i>sis</i>	Panggilan untuk kawan perempuan, singkatan daripada perkataan bahasa Inggeris “ <i>sister</i> ”
<i>bro, brader</i>	Panggilan untuk kawan lelaki, singkatan daripada perkataan bahasa Inggeris “ <i>brother</i> ”
<i>amende</i>	Singkatan daripada “ <i>apa benda</i> ”, kenapa
<i>harey</i>	Tidak berguna
<i>nape</i>	Kenapa
<i>terai</i>	Cuba
<i>pasei</i>	Pasal
<i>mahei</i>	Mahal
<i>nau</i>	Berfungsi sebagai kata penguat seperti benar
<i>kome</i>	Saya
<i>cibai</i>	Kata hinaan
<i>lantak</i>	Terserah
<i>wei</i>	Panggilan untuk kawan rapat
<i>gampang</i>	Tidak berguna
<i>gua</i>	Saya
<i>gais</i>	Panggilan untuk sekumpulan rakan
<i>kot</i>	Mungkin
<i>sapot</i>	Sokong
<i>mur mur</i>	Murah
<i>takyah</i>	Tidak perlu
<i>onz</i>	Setuju
<i>bodo</i>	Bodoh
<i>lambert</i>	Lambat
<i>takot</i>	Takut
<i>yup</i>	Ya
<i>gitu</i>	Begitu
<i>pape</i>	Apa-apa
<i>tetibe</i>	Tiba-tiba
<i>menan</i>	Mainan
<i>gi</i>	Pergi
<i>je</i>	Sahaja

<i>ko</i>	Engkau
<i>koyak</i>	Tersinggung
<i>lokal</i>	Tempatan
<i>kasi</i>	Beri
<i>dak dak</i>	Diletakkan di depan ayat sebelum memberi gelaran kepada seseorang
<i>kit</i>	Sedikit
<i>depa</i>	Mereka
<i>racun</i>	Hasut
<i>dafuk</i>	Singkatan daripada “the fuck”, digunakan untuk mencaci
<i>ngopi</i>	Singkatan untuk perbuatan melepak sambil minum kopi
<i>kelaut</i>	Tidak menjadi
<i>hepi</i>	Gembira
<i>bebetul</i>	Betul-betul
<i>Mak ai</i>	Berfungsi sebagai kata seru menggambarkan perasaan terkejut
<i>mas</i>	Panggilan untuk lelaki yang lebih tua, diambil dari bahasa Indonesia
<i>amik</i>	Ambil
<i>kapel</i>	Bercinta, pasangan, diambil daripada perkataan “couple”
<i>jem</i>	Buntu
<i>pundek</i>	Digunakan untuk menghina
<i>titun</i>	Tidur
<i>mamam</i>	Makan
<i>bebal</i>	Lembab
<i>selup</i>	Seluk
<i>bangang</i>	Bodoh
<i>bekap</i>	Sokong, diambil daripada perkataan “backup”
<i>hang</i>	Engkau
<i>roger</i>	Maklum, beritahu

Jadual 1 menunjukkan kosa kata bahasa slanga yang popular digunakan pada masa kini yang digunakan oleh pengguna aplikasi *Twitter* daripada akaun akaun *Twitter* “*brgsjks*”. Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa slanga dalam media sosial masa kini memang banyak dan tidak dapat dielakkan, malah telah menjadi *trend* dalam kalangan pengguna media sosial khususnya untuk berkomunikasi. Semua bahasa slanga yang digunakan penutur bertujuan untuk bergurau, mengejek, memaki dan membentuk satu variasi panggilan untuk individu yang rapat dengan mereka. Bahasa slanga yang digunakan di akaun *Twitter* tersebut mempunyai makna dan fungsi yang tersendiri.

Sebagai contoh, perkataan *korang*, *beb*, *sis*, *bro* atau *brader*, *kome*, *wei*, *gua*, *gais*, *ko*, *dak-dak* dan *depa* merujuk kepada kata panggilan kepada seseorang. Panggilan tersebut digunakan bagi memudahkan interaksi dalam media sosial walaupun kita tidak mengenali orang yang dimaksudkan. Panggilan ini adalah sebagai cara untuk berkawan dan untuk menggalakkan interaksi di media sosial. Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa Inggeris yang diubah suai seperti *sis*, *beb*, *bro* dan *brader*. Perkataan *sis* diambil daripada perkataan *sister* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud panggilan kepada kawan perempuan, *beb* berasal dari perkataan *babe* yang mempunyai makna yang sama seperti perkataan *sis* iaitu panggilan kepada perempuan,

manakala *bro* dan *brader* pula diambil dari perkataan *brother* yang bererti panggilan kepada kawan lelaki.

Selain itu, perkataan berunsur disfemisme atau kata yang kurang sopan juga digunakan dalam akaun *Twitter* tersebut seperti *harey*, *cibai*, *gampang*, *bodo*, *bangang*, *pundek* dan *dafuk*. Perkataan-perkataan ini dilihat digunakan oleh segelintir pengguna di akaun “*brgsjks*” untuk tujuan makian dan untuk menunjukkan rasa tidak puas hati kepada seseorang. Seterusnya, terdapat juga beberapa perkataan yang dicipta mengikut kreativiti sendiri bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu perkataan contohnya *onz* yang membawa maksud setuju, *lambert* yang bermaksud lambat, *ngopi* bermaksud melepak sambil minum kopi dan *mur-mur* yang bermaksud murah. Perkataan lain seperti *koyak* yang digunakan untuk mendukung makna yang berbeza dengan makna asal juga digunakan, iaitu *koyak* bererti tersinggung yang jelas berbeza dengan definisi asal perkataan tersebut.

Di samping itu, terdapat juga bahasa slanga yang digunakan sebagai kata penguat dalam akaun “*brgsjks*” contohnya *nau* yang bermaksud benar. Perkataan-perkataan slanga lain yang digunakan dalam akaun “*brgsjks*” ialah *meh* yang bermaksud mari, *bagitau* yang bermaksud memberitahu, *sat* bermaksud sekejap, *pi* bermaksud pergi, *amende* merupakan singkatan daripada apa dan benda, *nape* bermaksud kenapa, *mahei* bermaksud mahal, *wei* digunakan untuk memanggil kawan rapat, *takyah* singkatan daripada tidak payah, *tetiba* iaitu singkatan daripada tiba-tiba, *menan* bermaksud mainan, *gi* singkatan daripada kata “pergi”, *je* singkatan daripada kata saja dan *kit* singkatan daripada kata sedikit. Terdapat juga perkataan slanga yang diambil daripada bahasa asing khususnya bahasa Inggeris dan kemudian disesuaikan dengan bentuk ujaran bahasa Melayu seperti *hepi* daripada perkataan *happy* yang bermaksud gembira, *kapel* daripada perkataan *couple* yang membawa maksud bercinta dan daripada bahasa Indonesia seperti *mas* yang bermaksud abang.

Jelaslah bahawa penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pengguna dan pengikut akaun *Twitter* “*brgsjks*” sememangnya sangat banyak dan meluas. Penggunaan bahasa slanga ini bukan sahaja terdapat pada ruangan *postingan* atau *tweet* yang dikongsikan, malah turut digunakan dalam ruangan komen. Pada dasarnya, penggunaan bahasa slanga ini berlaku dalam bentuk kata. Data menunjukkan dalam konteks binaan ayat, pengguna masih menggunakan bahasa Melayu standard, namun penutur mencampurkan penggunaan bahasa yang betul dengan bahasa slanga ini. Penggunaan bahasa slanga tidak salah, namun perlu digunakan dalam konteks dan situasi yang bersesuaian misalnya dalam konteks tidak formal sahaja. Hal yang demikian kerana dalam masyarakat multilingual, budaya berbahasa lebih daripada satu bahasa memang tidak dapat dielakkan. Namun demikian, seperti yang dijelaskan sebelum ini, pengguna perlu bijak memilih konteks yang sesuai dalam menggunakan ragam bahasa tidak formal ini dengan tidak mengkesampingkan kepentingan berbahasa dengan betul dan baik untuk situasi formal. Jika perkara ini tidak dititikberatkan, maka pelbagai masalah akan berlaku seperti yang akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

4.2 Kesan Penggunaan Bahasa Slanga

Penggunaan bahasa slanga sememangnya memberikan banyak kesan khususnya kepada remaja yang merupakan golongan yang aktif menggunakan bahasa slanga, dan penggunaannya dilihat semakin meluas dalam media sosial bukan sahaja *Twitter* malah di medium *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *WeChat* dan sebagainya. Hal ini berlaku kerana golongan remaja lebih terdedah kepada media sosial dan menjadikan media sosial sebagai salah satu platform untuk

berkomunikasi. Dari satu aspek, penggunaan bahasa slanga dapat menambahkan kosa kata dalam sesebuah bahasa seperti perkataan *koyak*, *ngopi*, dan *onz*. Namun, perlu difahami bahawa kosa kata tersebut tidak mempunyai ciri yang gramatis kerana kosa kata tersebut merupakan hasil gabungan perkataan daripada bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, atau merupakan kependekan atau singkatan daripada perkataan asal yang gramatis. Bagi Minah Sintian (2017), penggunaan kosa kata ini hanya difahami oleh kumpulan tertentu sahaja dengan tujuan sebagai humor ketika berinteraksi dan untuk membentuk hubungan baik antara satu sama lain.

Selain itu, terdapat sesetengah pengkaji bahasa beranggapan bahawa penciptaan bahasa slanga boleh menggalakkan seseorang untuk berfikiran kreatif. Seperti yang telah dijelaskan oleh Zuraidah Mohd Sulaiman (2016), seseorang akan menjadi kreatif kerana mampu mencipta istilah yang baharu untuk menghasilkan suatu ragam bahasa yang menarik. Sebagai contoh, perkataan seperti *amende*, *harey*, *gais*, *lambert* dan *mur-mur* merupakan bahasa slanga yang digunakan dalam *Twitter* “*brgsjks*”. Penggunaan perkataan tersebut diambil dari bahasa Melayu standard, namun penggunaannya diubah suai daripada bentuk bagi menimbulkan kelainan dan menarik perhatian pengguna lain ketika berkomunikasi.

Namun, penggunaan bahasa slanga pada dasarnya memberikan kesan negatif terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Penggunaan bahasa slanga yang tidak terkawal boleh menjejaskan keaslian dan ciri konvensional bahasa Melayu. Menurut Norfaradilah Jamali dan Sa’adiah Ma’alip (2018), martabat bahasa Melayu akan terancam sekiranya bahasa slanga digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa slanga dihasilkan melalui gabungan perkataan daripada dua bahasa, atau melalui kependekan daripada sesuatu perkataan. Ragam bahasa ini tidak tepat dari segi nahu dan tidak mempunyai makna yang gramatis. Jika bahasa slanga digunakan secara tidak terkawal, maka masalah percampuran bahasa dan penghasilan bahasa yang tidak tepat akan berlaku. Kesannya, masyarakat akan kerap melakukan kesalahan berbahasa terutama dalam konteks penulisan. Hal ini ternyata akan menjejaskan pemahaman, pengetahuan dan penguasaan masyarakat dalam menguasai bahasa Melayu dengan betul dan tepat.

Selain itu, penggunaan bahasa slanga boleh menjejaskan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur muda kerana mereka boleh menanggapi bahasa slanga yang dihasilkan merupakan ragam bahasa yang betul kerana ramai pengguna masa kini yang menggunakannya. Generasi muda merupakan pelapis kepada negara pada masa hadapan (Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali, 2020). Ledakan teknologi maklumat dan keperluan media sosial untuk berkomunikasi telah meningkat seiring dengan perkembangan dunia masa kini, dan hal ini telah menyebabkan ramai golongan remaja menjadikan media sosial termasuk *Twitter* untuk berinteraksi antara satu sama lain. Penggunaan media sosial tidak menjadi masalah jika digunakan dengan betul dan berhemah. Namun, jika generasi muda terlalu terdedah dengan penggunaan bahasa slanga, maka penguasaan terhadap bahasa Melayu yang tepat akan terjejas kerana keliru dan terikut-ikut dengan penggunaan bahasa slanga. Dalam konteks pendidikan misalnya, generasi muda ini akan kerap melakukan kesalahan berbahasa terutama kesalahan dalam penulisan kerana gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik disebabkan keliru dengan penggunaan bahasa slanga yang sering digunakan sehari-harian.

Seterusnya, salah satu ciri bahasa slanga ialah penggunaan bahasa berunsur disfemisme atau bahasa yang tidak sopan. Data menunjukkan terdapat penggunaan bahasa kasar seperti *harey*, *cibai*, *gampang*, *bodo*, *bangang*, *pundek* dan *dafuk* yang digunakan dalam akaun *Twitter* “*brgsjks*”. Jelas bahawa dalam konteks penulisan sekali pun, penggunaan bahasa yang tidak santun ini turut digunakan penutur. Walaupun bahasa yang digunakan dalam media sosial tidak

sempurna dan mempunyai banyak kesalahan bahasa, tetapi kesalahan berbahasa perlu diminimumkan kerana dikhuatiri kesantunan dalam berkomunikasi akan terjejas. Dalam hal ini, penggunaan bahasa slanga yang tidak sopan perlu dikawal sebagai cerminan budaya bagi sesebuah masyarakat. Jika penutur menggunakan bahasa yang tidak santun, maka ia akan mempamerkan citra penutur tersebut sebagai individu yang tidak sopan walaupun hanya dengan menulis catatan dalam media sosial. Bahasa slanga jelas tidak bertepatan dengan nahu bahasa Melayu, malah bahasa slanga juga boleh mempamerkan keperibadian dan kesantunan seseorang melalui cara individu tersebut berbahasa.

5. Rumusan dan Cadangan

Rumusannya, penggunaan bahasa slanga dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutama penutur generasi muda dan mereka menggunakan medium media sosial seperti *Twitter* untuk menggunakan ragam bahasa tersebut bagi tujuan komunikasi. Terdapat banyak bahasa slanga yang digunakan oleh penutur dalam akaun *Twitter* “*brgsjks*” dan keadaan ini tidak dapat dibendung apabila sesuatu penutur hidup dalam kalangan masyarakat multilingual. Namun, faktor tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk mengawal penggunaan bahasa slanga ketika berkomunikasi. Penutur perlu bijak menggunakan ragam bahasa yang betul dan tepat mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian. Namun, jika penggunaan ragam bahasa slanga terus mendominasi pertuturan, maka dikhuatiri penutur akan keliru dan mudah terikut-ikut penggunaan bahasa tersebut walaupun dalam situasi formal. Perkara ini perlu dibendung bagi mengelakkan masalah berbahasa, masalah ketidaksantunan berbahasa dan masalah kekeliruan dalam penggunaan bahasa Melayu khususnya daripada berlaku. Pada dasarnya semua pihak terutama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah banyak menjalankan program, malah hebahan di laman sosial tentang cara berbahasa dengan betul dan tepat. Golongan pendidik juga telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengajar kemahiran komunikasi yang sewajarnya di institusi pendidikan. Malahan juga, ibu bapa juga berusaha menggalakkan anak-anak mereka berbahasa dengan betul dan santun untuk tujuan pendidikan dan bagi melahirkan individu yang berakhlak mulia. Namun, jika penutur itu sendiri mengambil jalan mudah dan mengabaikan aspek berbahasa ini, maka kesan penggunaan bahasa slanga kepada penutur tersebut, kepada bahasa, kepada masyarakat dan negara akan terus berlanjutan. Oleh yang demikian, penutur khususnya perlu bijak menggunakan bahasa dengan betul dan tidak mengkesampingkan penggunaan bahasa Melayu standard ketika berkomunikasi. Implikasinya, kajian ini dapat mengetengahkan kepentingan berbahasa dengan betul dalam kalangan penutur bahasa terutama di medium media sosial, dan mendedahkan kesan penggunaan ragam bahasa yang tidak tepat yang boleh menjejaskan kemahiran berbahasa penutur itu sendiri sekali gus mengancam martabah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Rujukan

- Agus Sulaeman. (2019). Bahasa slang generasi muda dalam media sosial di era milenial. *Prosiding Seminar Nasional Bulan Bahasa (SEMIBA)*, 45-54. Indonesia: Universitas Muhammadiyah Tangerang.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Keracunan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2), 97-132.

- Digital Business Lab. (29, September 2021). Social media penetration in Malaysia. Diakses daripada <https://digital-business-lab.com/2021/09/%E2%91%A1-social-media-penetration-in-malaysia-research/>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Kamarull Fahhmi Norazhar. (2022). Kesantunan berbahasa di laman sosial dalam kalangan pelajar menengah atas: Analisis prinsip kesopanan. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 129-148.
- Harishon Radzi, & Tengku Fariqul Haq. (2016). Slanga sebagai wahana komunikasi dalam kalangan remaja di bengkalis. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 33-41.
- Hidayah Shafiee et al. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 141-153.
- Minah Sintian. (2017). Penggunaan bahasa slang dalam kalangan pelajar Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 4(1), 75-88.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Syafizza Ahmad Tarmizi. (2019). Penggunaan dan penerimaan bahasa slang dalam novel indie di Malaysia. *e-Academia Journal*, 8(1), 17-30.
- Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2016). "Giler" atau "Gile": Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-304.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Gallus gallus domesticus dan paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 18-20.
- Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor, Ainal Akmar Ahmad, & Maizatul Azura Yahya. (2016). Bahasa slang dalam komik kanak-kanak. *2nd International Convention on Islam, Science & Education*, 1-10.
- Noor Husna Abd Razak & Hasnah Mohamad. (2016). Rumus Bahasa dalam Kosa Kata Slanga. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 26-32.
- Norfarahdila Jamali & Sa'adiah Ma'alip. (2018). Fenomena penggunaan bahasa slang dalam kalangan remaja felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu tinjauan sosiolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-15.
- NorFaiszah Arbain & Sa'adiah Ma'alip. (2017). Fenomena berbahasa generasi y: Satu kajian dalam Novel Awek Chuck Taylor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-14.
- Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). Penggunaan bahasa rancu dalam medium Twitter oleh generasi z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 19-28.
- Statista Research Department. (2022). Malaysia: number of Twitter users 2014-2019. Diakses daripada <https://www.statista.com/statistics/490591/twitter-users-malaysia/>
- Zuraidah Mohd Sulaiman. (2016). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina (Bahagian 2). *Dewan Bahasa*, 16(4). 22-25.